

UPM berjaya tonjolkan pertanian

MATLAMAT Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk mempromosi bidang pertanian sepanjang Ekspo Pertanian dan Pesta Konvo ke-40 baru-baru ini amat berjaya berdasarkan kepada kehadiran pengunjung dan penyertaan orang ramai dalam beberapa acara yang dianjurkan.

Pemilihan Bukit Ekspo sebagai lokasi utama pesta yang bermula 20 hingga 26 Oktober itu, ternyata tepat berdasarkan kunjungan orang ramai mencecah tidak kurang 100,00 orang, apatah lagi dengan kerjasama yang dijalin dengan Kumpulan Utusan menjadikan suasana kali ini begitu meriah.

Ini berdasarkan kepada kenyataan Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Aini Ideris kepada *Mega*



UTUSAN MALAYSIA
MINGGUAN MALAYSIA

Sains bahawa sebagai sebuah universiti terkemuka dunia dalam pertanian, inilah masanya UPM menonjolkan kejayaan dari segi penyelidikan, pengkomersialan produk penerbitan dan pemindahan teknologi kepada masyarakat.

"Saya perhatikan sungguh meriah pesta konvo tahun ini," ujarnya dan berharap akan bertambah baik pada tahun depan.

Sementara itu, Pengarah Taman Pertanian Universiti (TPU), UPM Prof. Dr. Japar Sidik Bujang mengakui kerjasama



DR JAPAR SIDIK BUJANG

(TPU), UPM Prof. Dr. Japar Sidik Bujang mengakui kerjasama



KETUA Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar (kanan) melawat gerai pameran. Turut kelihatan, Dr. Aini Ideris (dua dari kiri).



Benih pokok buah-buahan, anak pokok durian dari nurseri luar juga laris dibeli oleh pengunjung termasuk pelbagai anak pokok tin yang amat popular di Malaysia sekarang."

dengan Kumpulan Utusan membantu dalam mempromosi UPM sebagai pusat pengajian tinggi yang mengutamakan bidang pertanian.

"Kita dapatkan kunjungan orang ramai untuk mendapatkan anak pokok buah-buahan seperti durian dan rambutan serta bunga-bunga begitu menggalakkan dan laris," ujarnya yang berada di tapak pameran saban hari sepanjang pesta berlangsung.

"Hasil tanaman, anak pokok klon durian D2, D99, D168 serta raja kunyit dari TPU habis dibeli.

"Ada tempahan daripada orang perseorangan untuk anak pokok durian dan pokok rambutan.

"Benih pokok buah-buahan, anak pokok durian dari nurseri luar juga laris dibeli oleh pengunjung termasuk pelbagai anak pokok tin yang amat popular di Malaysia sekarang," ujarnya.

Beliau menambah, inilah peluang bagi orang ramai mendapatkan klon taman buah-buahan dan bunga dan ternakan yang dihasilkan.

Beberapa acara yang dianjurkan seperti memancing, *Explorase*, pertandingan melukis dan pelbagai acara sampingan lain juga mendapat sambutan.



UTUSAN MALAYSIA
3/11/2016, p. 23

ORANG ramai tertarik melihat anak pokok yang dijual pada Ekspo Pertanian dan Pesta Konvoesyen UPM 2016 di Bukit Ekspo UPM, Serdang baru-baru ini.

Japar Sidik berkata, UPM mengambil peluang mempromosi bidang pertanian setiap kali pengajuran pesta konvo dan ekspo pertanian bagi memberi peluang orang ramai mendekati dan mengenali universiti berkenaan yang sentiasa memperkasa bidang tersebut.

Apatah lagi, UPM pada kali ini memilih tema *Mengungguli Pertanian Menggapai Reputasi Antarabangsa* bagi menggambarkan universiti berkenaan sedang memperhebat kekuatan yang dimilikinya ke persada global.

Pameran dan jualan yang dianjurkan akan memberi

gambaran kepada pengunjung mengenai peranan UPM mengangkat bidang pertanian, pemakanan, sains dan bioteknologi.

Sebab itu pelbagai acara seperti penyediaan minuman sihat, teknik dekorasi ringkas (terrarium), gubahan bunga, pameran inovasi penyelidikan daripada fakulti dan institut semuanya menterjemahkan hasrat dan aspirasi UPM dalam bidang pertanian.

Berdasarkan sambutan tersebut beliau berhasrat akan meneruskan konsep sedia ada pada pengajuran akan datang dengan dan dalam masa yang sama, akan terus memperkenal

teknologi dan inovasi baharu.

"Antara teknologi pertanian yang kami ingin promosikan pada masa akan datang adalah *vegescape* atau pembinaan landskap menggunakan tanaman makanan," ujarnya.

Teknologi pertanian tersebut konsep tanaman makanan dan hiasan dan menjadi semakin popular kerana boleh dijadikan perhiasan.

Pada masa ini konsep pertanian vertikal juga sedang popular atas kerana dapat membolehkan penanam meletakkan di kawasan yang mempunyai keluasan terhad dan mencantikkan halaman rumah atau kediaman.